


L a p o r a n
T a h u n a n
1 9 9 6



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
(KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA)





KULIT LUAR

Burung puyuh mempunyai potensi pasaran yang baik untuk dimajukan. Dagingnya berkhasiat mengandungi protein yang tinggi serta lemak yang rendah berbanding dengan daging ternakan yang lain. Pada tahun 1996 FAMA telah melancarkan promosi daging burung puyuh bertujuan meningkatkan permintaan dan seterusnya meluaskan pasaran. Matlamat promosi ialah untuk menggalakkan penternakan puyuh komersil dan seterusnya memajukan industri puyuh daging dalam negara.

K a n d u n g a n

- | | | |
|--|---|---|
| 1 Misi, Peranan dan Strategi FAMA | 2 Lembaga Pengarah FAMA | 4 Pengurusan Kanan FAMA |
| 5 Kalendar Peristiwa Sepanjang 1996 | 8 Perutusan Pengerusi | 12 Peningkatan Permintaan |
| 18 Pembangunan Bekalan | 21 Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) | 22 Pembangunan Rangkaian Pemasaran |
| 24 Pembangunan Sumber Manusia | 27 Senarai Pejabat-pejabat FAMA 1996 | 28 Carta Organisasi FAMA |
| 29 Penyata Kewangan | | |



Misi

Misi FAMA ialah untuk menjadi Agensi Pemasaran Hasil Pertanian Hortikultur dan Barangan Asas Tani, yang mampu bersaing, berdaya maju dan biaya diri.

*P*eranan

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 49, 1965 dan Akta Parlimen 141 (Pindaan) 1974. Peranan FAMA ialah untuk meningkatkan pembangunan pemasaran hasil pertanian untuk maksimumkan pulangan kepada petani dan pengguna.

*S*trategi

Strategi FAMA bagi tahun 1996 adalah berasaskan kepada misi dan peranannya iaitu:


- Menentukan Kualiti Hasil Pertanian Selaras Dengan Kehendak Pasaran.
- Memperbaiki Sistem Rangkaian Pengedaran Supaya Lebih Cekap Dan Berkesan.
- Meningkatkan Persaingan Dengan Penglibatan FAMA Dalam Pengedaran.
 - Memperbaiki Maklumat Pasaran Dalam Dan Luar Negeri.
 - Memperluaskan Saiz Pasaran Di Dalam Dan Luar Negeri.
 - Menyertai Dalam Pemprosesan Produk Berasaskan Pertanian.
 - Memperbaiki Pemasaran Produk IKS Bidang Pertanian.
- Mengembangkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB).



1. **Y.B. Dato' Hj. Badruddin bin Amiruddin**
Pengerusi FAMA
2. **Y.Bhg. Dato' Abu Bakar bin Abdul Hamid**
Ketua Pengarah FAMA
3. **Y.B. Tn. Hj. Abdul Hamid bin Abd. Rahman**
Ahli Lembaga
4. **Y.B. Encik Ismail bin Hasbollah**
Ahli Lembaga
5. **Y.Bhg. Tn. Hj. Megat Tajuddin bin Megat Ahmad**
Ahli Lembaga
6. **Y.Bhg. Tn. Sheikh Badar bin Sheikh Embong**
Ahli Lembaga
7. **Encik Lim Heng Boon**
Wakil Kementerian Pertanian
8. **Tn. Hj. Hasan bin Ismail**
*Wakil Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri*

9. **Encik Leong Ah Hin**
Wakil Kementerian Kewangan
10. **Tn. Hj. A. Rahim bin Rahmat**
Wakil Lembaga Pertubuhan Peladang
11. **Encik Supperamaniam a/l Manickam**
*Wakil Kementerian Perdagangan
Antarabangsa dan Industri*
12. **Encik Subkey bin Abdul Wahab**
Wakil Kementerian Perusahaan Utama
13. **Tn. Hj. Ismail bin Ibrahim**
Wakil Jabatan Pertanian







1. **Y.Bhg. Dato' Abu Bakar bin Abdul Hamid**
Ketua Pengarah

2. **Tn. Hj. Mohamed Shariff bin Abd. Aziz**
Pengarah Kanan
Pengurusan dan Kewangan
(sehingga 31 Oktober 1996)

3. **Tn. Hj. Haron bin A. Rahim**
Pengarah Kanan
Pengurusan dan Kewangan
(mulai 1 November 1996)

4. **En. Tang Loon Boon**
Pengarah Kanan
Barangan Segar

5. **Tn. Hj. Samah bin Hasan**
Pengarah Kanan
Barangan Proses

6. **En. Sahbani bin Saimin**
Pengarah Kanan
Pemasaran Luar Negeri

JANUARI

4 Januari 1996

Pameran Sempena Pesta Orkid Bandaraya Kuching, Sarawak.

14 Januari 1996

Penganugerahan Darjah Kebesaran DSDK oleh DYMM Sultan Kedah kepada Y.B. Pengerusi FAMA dan Y.Bhg. Ketua Pengarah FAMA.

FEBRUARI

8 Februari 1996

Operasi jualan ayam segar di Pasar-pasar Tani sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina.

17 Februari 1996

Pelancaran inflasi sifar di Pasar Tani Peringkat Kebangsaan oleh Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman Hj. Daud, Menteri Pertanian Malaysia.

MAC

10 Mac 1996

Pameran Florikultur & Lanskap sempena Majlis Penyampaian Input Bunga-bunga PPRT Sg. Udang, Yan, Kedah.

20 Mac 1996

Lawatan Pegawai-pegawai Pertanian dari Indonesia ke Ibu Pejabat FAMA.

22 Mac 1996

Perjumpaan Hari Raya FAMA dengan Agensi Kerajaan, Perantara Peserta Pasar Tani dan Pelesen.

23 Mac 1996

Lawatan Y.B. Timbalan Menteri Pertanian ke FAMA Kelantan.

APRIL

1-6 April 1996

Pesta Flora di Taman Orkid, Pengkalan Chepa, Kelantan.

2 April 1996

Seminar Pasar Tani Peringkat Kebangsaan, Bangi, Selangor.

18 April 1996


Lawatan Persatuan Penanam Sayur-sayuran dan Buah-buahan Jepun ke Ibu Pejabat FAMA.

25 April 1996

Promosi barangan AgroMas, IKS dan 1KIP Negeri Kedah di Pasar Tani Alor Setar.

26 April 1996

Lawatan Pegawai-pegawai Tinggi dari PSD, Thailand ke Ibu Pejabat FAMA.



Pelancaran Inflasi Sifar di Pasar Tani oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia.



Lawatan Y.B. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Sempena Pelancaran Inflasi Sifar di Pasar Tani Kelana Jaya, Selangor.



Penyampaian Input Pertanian kepada Peserta PPRT oleh Y.B. Pengerusi FAMA di Kedah.



Lawatan Petani-petani Jepun ke Ibu Pejabat FAMA.

MEI

9 Mei 1996

Kempen Inflasi Sifar di Pasar Tani Tampin, Negeri Sembilan.

18 Mei 1996

Dialog FAMA dengan Pengusaha IKS Negeri Sembilan.

20-23 Mei 1996

HPPN Peringkat Negeri Sarawak di Konowit, Sibul, Sarawak.

JUN

3-7 Jun 1996

Pameran dan Jualan Minggu Orkid dan Bunga-bunga Peringkat Negeri Perlis di Kompleks Bilik Sejuk FAMA.

7 Jun 1996

Lawatan sambil belajar pegawai dari Agrarian Research & Training Institute Sri Lanka ke Ibu Pejabat FAMA.

12 Jun 1996

Lawatan Timbalan Menteri Pertanian Iran ke Ibu Pejabat FAMA.

17 Jun 1996

Lawatan Y.B. Dato' Tengku Mahmud bin Mansor, Timbalan Menteri Pertanian Malaysia ke Ibu Pejabat FAMA.

21 Jun 1996

Pelancaran Kempen Sayur-sayuran dan Ulam-ulaman oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia di Kuala Lumpur.

JULAI

5-9 Julai 1996

Pameran Gerakmesra peringkat Negeri dan Pesta Mukah, Sibul, Sarawak.

13-15 Julai 1996

Pameran HPPN Peringkat Negeri Kedah.

23-25 Julai 1996

Pameran HPPN Peringkat Negeri Sembilan.

24 Julai 1996

Penghantaran Pertama Buah-buahan Rambutan Deli, Baling ke Hong Kong oleh FAMA.

26-27 Julai 1996

Konvensyen KMK Kebangsaan FAMA 1996.

29 Julai 1996

Lawatan Ahli-ahli Lembaga FAMA ke Negeri Perlis.



Demonstrasi Sempena Kempen Sayur-sayuran dan Ulam-ulaman.



Lawatan Timbalan Menteri Pertanian Iran ke Ibu Pejabat FAMA.



Lawatan Y.B. Timbalan Menteri Pertanian Malaysia ke Ibu Pejabat FAMA.



Lawatan Ahli-ahli Lembaga FAMA ke Negeri Perlis.

OGOS

14-25 Ogos 1996

Pameran dan Karnival Kebudayaan Kelantan di Stadium Sultan Mohamed IV, Kelantan.

29 Ogos 1996

Pameran Sempena Hari Kebangsaan di Bintulu, Sarawak.

31 Ogos 1996

FAMA mengambil bahagian dalam perbarisan sambutan Hari Kebangsaan 1996 di Terengganu, Kelantan dan Pulau Pinang.



Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1996.

SEPTEMBER

9 September 1996

Lawatan Pelajar Universiti Jepun ke FAMA Kelantan.

9-13 September 1996

Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Muar, Johor.

14 September 1996

Lawatan Ahli-ahli Perkumpulan Wanita (WI) Muar, Johor ke Ibu Pejabat FAMA.

28 September 1996

Pembukaan Pasar Tani Tanjung Dawai, Kedah.



Demonstrasi Masakan Sempena Promosi Daging Burung Puyuh.

OKTOBER

1 Oktober 1996

Pelancaran Promosi Daging Burung Puyuh oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia di Langkawi.

NOVEMBER

4 November 1996

Sambutan Hari Q FAMA 1996.

26-28 November 1996

Seminar Kebangsaan FAMA Tahun 1996.

29 November 1996

Malam Anugerah Khidmat Cemerlang FAMA 1996.



Malam Anugerah Khidmat Cemerlang FAMA 1996.

DISEMBER

2 Disember 1996

Lawatan Pegawai-pegawai Kementerian Pertanian Indonesia ke Ibu Pejabat FAMA.



Seminar Kebangsaan FAMA 1996.



P PERUTUSAN P PENGERUSI

**Y.B. Dato' Hj. Badruddin
bin Amiruddin**
Pengerusi

*D*engan sukacitanya saya bagi pihak Lembaga membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi tahun 1996. Di bawah Rancangan Malaysia ke Tujuh FAMA telah merancang beberapa program dan projek pembangunan yang selaras dengan dasar dan kehendak kerajaan khususnya di dalam membangunkan pemasaran pertanian negara. Walau bagaimanapun tahun 1996 ialah merupakan tahun pertama bermulanya Rancangan Malaysia ke Tujuh di mana penumpuan masih perlu diberikan terhadap pelaksanaan kepada program dan projek sambungan daripada tahun sebelumnya.

PENGLIBATAN DI DALAM PEMASARAN

Penglibatan secara langsung di dalam pemasaran merupakan salah satu aktiviti utama FAMA di dalam membangunkan pemasaran pertanian negara. Melalui penglibatan ini FAMA dapat memainkan peranan yang lebih berkesan di dalam memasarkan hasil-hasil pertanian keluaran petani di samping memajukan pasaran di dalam dan di luar negeri. FAMA juga dapat meningkatkan persaingan pasaran dan menawarkan harga yang berpatutan kepada pengguna-pengguna khususnya dan dengan ini membantu di dalam mengatasi masalah inflasi.

Pada tahun 1996 pencapaian jualan di bawah urusniaga bagi Akaun Kumpulan FAMA ialah berjumlah RM70.52 juta iaitu meningkat sebanyak 1.85% berbanding dengan tahun 1995 berjumlah RM69.24 juta. Keuntungan yang diperolehi ialah sebanyak RM0.739 juta berbanding dengan kerugian sebanyak 1.1 juta pada tahun 1995. Urusniaga ini melibatkan barangan hortikultur segar dan juga proses. Khususnya FAMA telah memasarkan secara langsung komoditi segar termasuk buah-buahan, sayur-sayuran, hasil ternakan dan susu berjumlah sebanyak RM19.87 juta pada tahun 1996 berbanding dengan RM17.23 juta tahun 1995.

EKSPORT

Bagi memajukan pasaran di luar negeri FAMA turut terlibat di dalam mengeksport hasil hortikultur negara. Nilai eksport FAMA secara langsung pada tahun 1996 ialah sebanyak RM3.26 juta yang melibatkan komoditi segar utama seperti buah-buahan belimbing, betik, nenas dan bunga-bunga. Nilai eksport adalah berkurangan jika dibandingkan dengan tahun 1995 sebanyak RM4.01 juta. Ini adalah kerana masalah kekurangan bekalan yang dihadapi terutama bagi komoditi nenas dan belimbing yang berkualiti.

Pada tahun 1996 FAMA telah memulakan aktiviti mengeksport bunga-bunga keratan ke negara-negara tertentu. Penglibatan di dalam pengeksportan bunga-bunga segar ini adalah perlu bagi memastikan kejayaan promosi pasaran bunga-bunga Malaysia di luar negeri. Sejumlah RM0.376 juta bunga-bunga terutama orkid telah dieksport oleh FAMA sepanjang tahun 1996 bagi menerokai pasaran terutama pasaran baru seperti Jepun, Australia dan Kanada.

Bagi memajukan industri Florikultur FAMA juga telah membangunkan beberapa pusat Florikultur dan Lanskap. Di bawah program ini FAMA mewujudkan sumber bekalan secara bersepadu dengan pengeluar-pengeluar terbabit yang terdiri daripada sebahagian besarnya kumpulan peserta PPRT. FAMA membantu di dalam memasarkan hasil dan memberi khidmat nasihat yang diperlukan.

PROMOSI

Promosi pasaran secara berterusan adalah perlu bagi mengekalkan saiz pasaran dan terutamanya untuk memperluaskan pasaran produk-produk keluaran negara di peringkat eksport. FAMA memberikan tumpuan kepada aktiviti promosi di dalam dan di luar negeri. Bagi dalam negeri, tumpuan diberikan untuk meningkatkan permintaan di kalangan pengguna dan dengan ini memperluaskan pasaran domestik. Dua kempen atau promosi utama telah dilancarkan pada tahun 1996 iaitu Kempen Makan Sayur-sayuran dan Ulam-ulaman dan Promosi Makan Daging Burung Puyuh. Hasil daripada kempen tersebut permintaan telah bertambah dan menggalakkan pertumbuhan industri komoditi terlibat serta seterusnya memberi manfaat kepada petani dan penternak.

Bagi memajukan dan menerokai pasaran baru di peringkat eksport FAMA telah menjalankan aktiviti promosi pasaran secara agresif. Sepanjang tahun 1996 FAMA telah berjaya



Produk AgroMas keluaran FAMA.

mengambil bahagian di dalam lima Pameran Perdagangan Antarabangsa dan empat siri Lawatan Perdagangan di Luar Negeri. Manfaat yang didapati daripada aktiviti tersebut ialah peningkatan penerimaan oleh pengguna luar negara terhadap produk hortikultur keluaran Malaysia di samping mendapat maklumat pasaran yang amat berguna untuk rancangan serta pelaksanaan program pemasaran eksport dengan lebih berkesan.

PEMROSESAN

FAMA turut terlibat di dalam membangunkan industri pemprosesan produk hortikultur. Di bawah program pembangunan pemprosesan produk makanan IKS FAMA mengenalpasti produk-produk keluaran pengusaha-pengusaha tempatan untuk dipasarkan secara meluas di samping memberikan khidmat nasihat berkaitan. Aktiviti pemprosesan FAMA secara langsung tertumpu kepada tiga buah kilang FAMA yang terlibat di dalam pengeluaran produk-produk seperti Seri Kaya, Jem, Tepung Berempah dan Serunding. Semua produk keluaran FAMA dipasarkan di bawah jenama AgroMas yang mementingkan kualiti. Semua kilang tersebut telah mencapai peningkatan yang baik dari segi prestasi pengeluaran dan juga jualan.

PASAR TANI

Pasar tani telah dapat memainkan peranan yang berkesan di dalam membantu menyelesaikan masalah pemasaran hasil-hasil pertanian. Ianya telah menjadi sebagai salah satu institusi pemasaran yang dapat melahirkan kumpulan petani komersil dan pemasar bumiputera yang berdaya maju. Pasar tani juga telah memainkan peranan sebagai kedai harga patut bagi membanteras masalah inflasi yang memberi manfaat khususnya kepada pengguna. Bilangan pasar tani pada tahun 1996 ialah 161 buah melibatkan 5000 peserta. Jumlah jualan melalui pasar tani tahun 1996 telah meningkat kepada RM106.9 juta daripada RM95.84 juta tahun 1995. Peranan FAMA di dalam pembangunan pasar tani pada masa kini hanya memberi khidmat sokongan dan untuk mengukuh serta memajukan bilangan yang sedia ada. Ini termasuklah mewujudkan Pasar Tani Kekal dan Kota Tani serta menggalakkan penyertaan peserta di Pasar-pasar Awam.


KHIDMAT SOKONGAN

Peningkatan sistem maklumat telah dijalankan merangkumi bidang pemasaran dan pengeluaran. Maklumat lengkap dan terkini seperti harga pasaran dan kedudukan pasaran amat berguna di dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Pengumpulan dan penyebaran maklumat oleh FAMA memberi perkhidmatan kepada kumpulan-kumpulan sasar terdiri daripada petani, pemasar dan juga pengguna serta juga Jabatan/Agensi yang memerlukannya.

Di bawah Skim Penggredan FAMA telah berjaya menggred sebanyak 3,148 metrik tan buah belimbing yang dieksport ke luar negeri terutama Eropah Barat. Jumlah kuantiti yang digred telah meningkat 6% berbanding dengan tahun 1995 sebanyak 2,968 tan metrik. Bagi buah betik eksotika kuantiti yang digred pada tahun 1996 ialah sebanyak 5,481 tan metrik iaitu berkurangan jika dibandingkan dengan tahun 1995 sebanyak 6,962.84 tan metrik. Ini adalah kerana pengeluaran betik eksotika untuk eksport telah berkurangan dan juga para pengeksport telah beralih kepada mengeksport betik jenis panjang.



Pasar Tani menjadi pilihan pengguna bagi mendapatkan bekalan barangan yang berkualiti pada harga berpatutan.



Aktiviti pemprosesan produk makanan di kilang FAMA.

Di bawah Skim Kawalan Pemasaran bagi komoditi-komoditi sayur-sayuran, buah-buahan, kelapa dan kopi, kedudukan pemegang lesen ialah berjumlah 2,170 orang. Jumlah pemegang AP kobis ialah 214 dan AP kopi ialah 97 orang. Hasil daripada kawalan kuota import kobis telah dapat mempengaruhi harga kobis di peringkat ladang pada paras purata RM1.23/kg dan di peringkat runcit purata ialah RM2.31/kg.

TQM

Pengurusan sentiasa memberi keutamaan terhadap program bagi mempertingkatkan kualiti dan produktiviti FAMA. Di bawah program pembangunan sumber manusia sebahagian besar kakitangan telah diberikan kursus dan latihan di bidang berkaitan mengikut keutamaan. Program Q seperti Sambutan Hari Q dan Konvensyen KMK telah juga diadakan. Poster Pemasar Jati telah dilancarkan bagi menerapkan semangat di kalangan kakitangan agar memainkan peranan sebagai seorang pemasar yang bertanggungjawab memberi perkhidmatan berkesan di dalam menolong kumpulan sasar memajukan pemasaran pertanian. Anugerah Khidmat Cemerlang FAMA telah diberikan kepada kakitangan di peringkat negeri dan Ibu pejabat sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap sumbangan cemerlang oleh kakitangan berkenaan.

KEWANGAN

Pada tahun 1996 FAMA telah berjaya melaksanakan projek-projek di bawah peruntukan Wang Pembangunan dengan perbelanjaan berjumlah RM24,393,982. Prestasi perbelanjaan Pembangunan adalah melebihi 100% jika dibandingkan dengan peruntukan Wang Pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan sebanyak RM20,050,000. Lebihan perbelanjaan ditanggung daripada sumber dalaman.

Manakala Wang Mengurus yang diberikan oleh Kerajaan ialah sebanyak RM46,747,000. Perbelanjaan Wang Mengurus tahun 1996 ialah sebanyak RM44,705,675. Prestasi perbelanjaan ialah 95.63%.

ARAH MASA HADAPAN

FAMA akan terus memainkan peranan di dalam membangunkan pemasaran pertanian negara selaras dengan dasar kerajaan khususnya Dasar Pertanian Negara di bawah Rancangan Malaysia ke Tujuh. Beberapa program dan projek di bawah pembangunan akan diteruskan dan dengan memberi tumpuan kepada mengatasi masalah inflasi, menambahkan bekalan berkualiti, meluaskan pasaran eksport, membangunkan industri pemprosesan pertanian serta pembangunan sistem dan rangkaian pemasaran yang lengkap.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga, saya merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan, Kementerian Pertanian dan Agensi Pusat yang telah memberikan kelulusan serta peruntukan kewangan dan kepercayaan kepada FAMA untuk melaksanakan segala program dan projek FAMA. Ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua Ahli-ahli Lembaga, Pegawai serta Kakitangan FAMA dan juga semua pihak yang terlibat di dalam memberikan perkhidmatan, kerjasama dan sokongan bagi menjayakan segala program dan aktiviti FAMA selama ini.

Sempena dengan ini juga saya mengucapkan tahniah kepada Y.Bhg. Dato' Abu Bakar bin Abdul Hamid, Ketua Pengarah FAMA di atas pengurniaan Darjah Kebesaran Dato' Setia Di Raja Kedah (D.S.D.K.) oleh Kebawah D.Y.M.M. Sultan Kedah sempena Keputeraan Baginda Yang ke-68 pada 14 Januari 1996.



Y.B. DATO' HJ. BADRUDDIN BIN AMIRULDIN
Pengerusi

PENINGKATAN

permintaan



PENGLIBATAN FAMA DALAM PEMASARAN

Penglibatan FAMA dalam pemasaran secara langsung adalah merupakan salah satu aktiviti utama FAMA di dalam memajukan pemasaran pertanian negara. Melalui aktiviti urusniaga ini FAMA dapat mengadakan ruang pasaran tambahan bagi hasil-hasil pengeluaran petani disamping mewujudkan ruang pasaran baru di dalam dan luar negara.

Aktiviti komersil sepenuhnya dijalankan melalui anak syarikat iaitu FAMA Corporation Bhd. (FAMACO). Disamping itu aktiviti pemasaran secara langsung di bawah program pembangunan masih dijalankan. Pada tahun 1996, pencapaian jualan urusniaga Akaun Kumpulan FAMA ialah berjumlah RM70.52 juta berbanding dengan RM69.24 juta tahun 1995. Keuntungan yang diperolehi pada tahun 1996 ialah berjumlah

RM0.739 juta berbanding dengan kerugian yang ditanggung sebanyak RM1.1 juta pada tahun 1995. Dari jumlah tersebut aktiviti pemasaran pembangunan FAMA telah melibatkan jualan bernilai RM39.59 juta iaitu meningkat sebanyak 13.73% jika dibandingkan dengan jualan pada tahun 1995 iaitu sebanyak RM34.81 juta. Pada tahun 1996 jumlah belian di bawah aktiviti pemasaran pembangunan secara langsung bernilai RM32.85 juta berbanding dengan belian berjumlah RM31.47 juta pada tahun 1995.

Kegiatan pemasaran FAMA secara langsung di bawah program pembangunan melibatkan komoditi-komoditi segar dan juga proses. Tumpuan utama ialah untuk menangani masalah pemasaran yang dihadapi dari semasa ke semasa dan juga untuk membangunkan pasaran baru serta pembangunan produk proses. Komoditi-komoditi segar yang dikendalikan oleh FAMA termasuklah buah-buahan, sayur-sayuran, susu segar, hasil-hasil ternakan, koko, kopi, kelapa dan lain-lain. Sementara barangan proses melibatkan produk AgroMas keluaran FAMA dan juga barangan proses keluaran pengusaha-pengusaha tempatan terpilih. Jumlah nilai bagi komoditi segar yang dipasarkan ialah RM19.87 juta.

Penglibatan FAMA di dalam pemasaran secara langsung atau urusniaga pembangunan juga memberi peluang untuk FAMA menyumbang dengan lebih berkesan ke arah pewujudan harga yang stabil dan membantu menangani masalah inflasi negara. Ruang pasaran yang digunakan di bawah program harga patut atau kempen inflasi sifar ialah pasar-pasar tani dan juga pusat edaran runcit FAMA. FAMA telah terlibat secara langsung di dalam memasarkan barangan pertanian keperluan pengguna di 161 buah pasar tani. Bagi menjayakan Kempen Inflasi Sifar pasar-pasar tani di seluruh negara juga telah menganjurkan jualan hari inflasi sifar pada setiap hari Sabtu awal bulan.

FAMA juga telah terlibat secara langsung di dalam membekalkan ayam daging bagi memenuhi keperluan pengguna khusus di musim perayaan. Pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Sambutan Tahun Baru Cina bulan Februari 1996 FAMA telah mengadakan program khas jualan ayam daging kepada pengguna-pengguna. Tujuan penglibatan ini bagi memastikan pengguna mendapat bekalan ayam yang cukup dan dengan harga yang berpatutan. Penglibatan FAMA tersebut telah memberi kesan yang positif di mana tidak berlaku kenaikan harga di musim perayaan, malah pada musim perayaan tahun 1996 harga ayam telah turun sekitar RM3.60 dan RM3.80/kg.

Sebagai langkah bagi melibatkan secara berkesan di dalam pemasaran runcit FAMA telah mengadakan rangkaian pemasaran dengan mengadakan gerai-gerai jualan. Gerai-gerai jualan ini merupakan pusat promosi dan jualan hasil-hasil pertanian seperti barangan proses IKS hasil para petani, makanan tradisional, susu segar, air buah-buahan, buah-buahan tempatan, burung puyuh dan lain-lain. Gerai-gerai ini didirikan di kawasan strategik seperti di Lebuhraya, di Terminal Lapangan Terbang dan di pusat bandar dan daerah.

Pada tahun 1996, jumlah gerai jualan adalah sebanyak 36 buah iaitu 2 buah di Terengganu, 9 buah di Kelantan, 6 buah di Kedah, 2 buah di Negeri Sembilan, 5 buah di Sabah, 4 buah di Sarawak, 4 buah di Perak, 2 buah di Selangor/WP, sebuah di Pulau Pinang dan sebuah di Bandar Melaka. Beberapa kedai rangkaian runcit yang kurang berpotensi operasinya telah ditutup iaitu sebuah di Perak, 2 buah di Sabah, sebuah di Kedah dan sebuah lagi di Sarawak.

PEMROSESAN ASAS TANI

FAMA telah mula melibatkan diri di dalam memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) khususnya di dalam industri makanan atau produk agrobased. Penglibatan FAMA dalam aktiviti IKS boleh dikategorikan kepada tiga aktiviti utama seperti berikut:-

- (a) Pengeluaran dan pemasaran barangan berjenama AGROMAS seperti serbuk kopi, kaya, jem, serunding, tepung berempah dan kerisik.
- (b) Pengedaran barangan proses khasnya barangan yang menjadi bahan input kepada usahawan IKS seperti tepung, gula, beras, sagu, minyak masak dan makanan ternakan.
- (c) Pembangunan dan pemasaran barangan keluaran usahawan IKS yang terpilih seperti kicap, sos cili padi, jus buah-buahan, garam belacan dan keropok segera.

Aktiviti bagi kilang-kilang FAMA adalah seperti berikut:-

(a) Kilang FAMA Rengit, Johor


Dalam tahun 1996 Kilang FAMA Rengit telah mengeluarkan Seri Kayu Madu, Jem Buah-buahan Tropika seperti Roselle, mangga, nenas, betik, belimbing dan durian belanda juga kerisik. Jumlah pengeluaran produk-produk dari pusat ini adalah berjumlah 125,810.75 kg bernilai RM314,326.87 berbanding dengan pengeluaran tahun 1995 berjumlah 40,551.74 kg yang bernilai RM169,431.92. Ini menunjukkan kenaikan sebanyak RM144,894.95 atau 85.52%.

Nilai jualan produk-produk yang dikeluarkan oleh kilang ini bagi tahun 1996 adalah RM422,062.57 berbanding dengan nilai jualan dalam tahun 1995 sebanyak RM311,433.12. Ini menunjukkan kenaikan sebanyak RM110,629.45 atau 35.5%.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti produk yang dihasilkan, kilang ini telah diperkenalkan dengan ISO 9000 dalam pengeluaran dan pemprosesan produk. Adalah diharapkan kilang ini akan dapat melaksanakan sepenuhnya program ini dan mendapat pengiktirafan dalam tahun 1997/1998.


Hasil daripada pewujudan kilang ini FAMA telah dapat mempertingkatkan lagi luang pasaran petani-petani bagi produk-produk segar mereka seperti kelapa,

Nilai Komoditi Segar Yang Di Pasarkan 1996



belimbing, mangga, nenas, betik dan juga telur. Sebagai contoh FAMA telah membeli Roselle daripada petani-petani di bawah kelolaan Jabatan Pertanian di negeri Terengganu, sementara belimbing dan betik diperolehi di ladang-ladang di negeri Johor.

FAMA telah membuat kontrak dengan 5 orang petani dalam membekalkan bahan-bahan mentah tersebut. Projek ini juga telah memberi peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitar kawasan Rengit dan Batu Pahat, Johor.



Penggunaan teknologi moden di kilang FAMA.

(b) **Kilang FAMA Kuala Selangor**

Dalam tahun 1996 Kilang FAMA Kuala Selangor telah mengeluarkan Tepung Berempah Serbaguna, Rempah Ratus dan melaksanakan kontrak pengeluaran. Pengeluaran produk-produk tersebut berjumlah 71,163.68 kg bernilai RM106,745.52 berbanding dengan tahun 1995 iaitu sebanyak 17,182.94 kg yang bernilai RM23,452.55. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM83,292.97 atau 355.15%.

Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan luang pasaran dan permintaan produk ekoran daripada aktiviti promosi yang dilaksanakan di peringkat negeri, wilayah dan juga kebangsaan. Aktiviti promosi AgroMas secara besar-besaran telah dilaksanakan melalui media massa dalam bulan November 1996. Peningkatan pengeluaran juga disebabkan pertambahan aktiviti kontrak pengeluaran di mana 4 buah kilang bumiputera telah melaksanakan kontrak pengeluaran dengan FAMA bagi mengeluarkan produk seperti serbuk ikan bilis, serbuk kunyit dan serbuk rempah.


Kilang FAMA Kuala Selangor juga telah menjadi kilang nukleus kepada pengusaha tempatan dalam membekalkan produk separa siap. Produk-produk yang dihasilkan oleh pusat ini adalah seperti rempah ratus dan bahan-bahan ramuan separa siap untuk kilang-kilang makanan di sekitar Lembah Kelang dan Negeri Sembilan. Bagi tahun 1996 nilai kontrak pengeluaran yang dilaksanakan oleh pusat ini adalah berjumlah RM17,007.25 melibatkan 3 buah kilang di mana 2 di Selangor dan 1 di Negeri Sembilan.

Dalam tahun 1996 kilang ini telah berjaya menjual produk-produk hasil keluarannya bernilai RM205,497.53 berbanding dengan tahun 1995 bernilai RM100,082.66. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM105,414.87 atau 105.32%.

(c) **Kilang FAMA Bachok, Kelantan**

Produk yang dihasilkan oleh Kilang FAMA Bachok adalah serunding dan bawang goreng. Aktiviti pengeluaran bawang goreng telah dikeluarkan secara agresif dalam tahun 1996. Pengeluaran daripada kilang ini berjumlah 51,220.70 kg bernilai RM84,137.73 berbanding dengan tahun 1995 di mana pengeluaran sebanyak 1,703.45 kg bernilai RM21,603.71. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM62,534.02 atau 289.5%.

Peningkatan ini adalah sumbangan daripada kontrak pemasaran bawang goreng dengan dua orang pemborong bumiputera di sekitar kawasan Bachok dan Kota Bharu dan juga peningkatan jualan bawang goreng di luang pasaran di negeri-negeri lain seperti di negeri Sarawak.



Jenama 'AgroMas' melambangkan produk yang berkualiti keluaran FAMA.

Dalam tahun 1996 kilang ini berjaya menjual serunding dan bawang goreng bernilai RM147,837.75 berbanding dengan tahun 1995 sebanyak RM48,526.20. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM99,311.55 atau 204.65%.

FLORIKULTUR DAN LANSKAP

Penglibatan FAMA di dalam aktiviti Florikultur dan Lanskap adalah bertujuan untuk membangunkan industri tersebut yang dianggap berpotensi di samping membantu kumpulan sasaran khususnya golongan rakyat termiskin. FAMA telah mewujudkan Pusat Perkhidmatan Lanskap di setiap negeri di mana FAMA bersedia menerima bekalan pokok-pokok hiasan daripada peserta-peserta PPRT dan pembekal-pembekal perseorangan dan seterusnya dipasarkan kepada pelanggan-pelanggan sama ada institusi ataupun perseorangan. Sehingga kini projek Lanskap khususnya yang melibatkan PPRT secara langsung dijalankan di empat buah negeri iaitu Kedah, Terengganu, Kelantan dan Perak.

Jumlah peserta PPRT yang terlibat di bawah program ini ialah seramai 346 orang yang membekalkan kira-kira 80% keperluan bekalan pokok-pokok hiasan yang diperlukan oleh FAMA. Program Florikultur dan Lanskap FAMA telah menyumbangkan RM1.198 juta nilai jualan sepanjang tahun 1996. Bagi menjayakan lagi program ini peserta-peserta PPRT diberi bimbingan dan latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa. Pembekalan input dan benih tanaman berkenaan juga diuruskan oleh FAMA di mana perlu.

Masa depan industri Florikultur adalah cerah memandangkan pertumbuhan pasaran domestik dan eksport. Penggunaan per kapita bunga keratan di Malaysia dianggarkan RM2.50 berbanding dengan RM6 di Singapura, RM15 di Taiwan dan RM120 di Jepun. Penggunaan bunga keratan segar domestik dijangka meningkat lagi sejajar dengan meningkatnya kemewahan pengguna dan meningkatnya minat orang ramai terhadap bunga keratan segar. Kepesatan pertumbuhan ekonomi termasuk dalam industri pembinaan dan kesedaran kepada kepentingan alam sekitar akan meningkatkan permintaan terhadap tumbuh-tumbuhan hiasan dan lanskap.

EKSPORT

FAMA telah juga melibatkan diri secara langsung di dalam memajukan pengeksporan produk hortikultur terutamanya bagi buah-buahan dan bunga-bunga terpilih. Di bawah program pembangunan eksport, beberapa projek percubaan eksport telah dijalankan bertujuan mengkaji kemungkinan eksport buah-buahan ke pasaran baru seperti negara-negara Eropah dan Asia Barat. Di bawah beberapa program kajian eksport tersebut, buah-buahan yang terlibat ialah rambutan (Dubai dan Amsterdam), nenas (United Kingdom melalui kapal laut), bunga-bunga (Jepun, Kanada dan Australia).

Penglibatan FAMA di dalam aktiviti eksport buah-buahan sepanjang tahun 1996 bernilai sebanyak RM3.267 juta. Buah-buahan terpilih yang dieksport oleh FAMA ialah belimbing, betik, nenas, tembikai dan jambu batu. Bunga keratan juga telah mula dieksport oleh FAMA terutama untuk menerokai pasaran baru.

Pasaran-pasaran eksport utama FAMA mengikut buah-buahan ialah Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (nenas), United Kingdom dan Belanda (belimbing), Singapura dan Hong Kong (betik dan jambu batu).

Pada tahun 1996, FAMA telah terlibat secara langsung dalam aktiviti pengeksporan bunga keratan khususnya orkid. Adalah didapati bahawa bunga keluaran tempatan terutamanya orkid mempunyai potensi pasaran eksport yang baik dan boleh dimajukan di negara ini. Melalui aktiviti eksport FAMA ianya dapat melengkapkan program promosi yang dijalankan selama ini dan memastikan bahawa tindakan susulan di dalam memenuhi permintaan pasaran eksport dapat dipenuhi dengan berkesan.

Bagaimanapun penglibatan swasta di dalam memajukan pengeksporan bunga-bunga adalah digalakkan. Penglibatan FAMA di dalam pengeksporan bunga-bunga boleh dianggap sebagai perintis bagi pasaran baru. Negara-negara berkenaan ialah Jepun, Australia, Kanada, United Kingdom, Itali dan Croatia.

Melalui aktiviti eksport ini FAMA juga dapat menggalakkan penglibatan pengeluar atau pengusaha yang berdaya maju dalam industri florikultur terutamanya di dalam pengeluaran orkid. FAMA memainkan peranan sebagai pemasar bagi bunga-bunga yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan.

PROMOSI PASARAN

Aktiviti promosi pasaran merupakan salah satu aktiviti utama di bawah program memperluaskan pasaran produk hortikultur segar dan proses. Tumpuan aktiviti ini bukan hanya bagi pasaran dalam negeri tetapi lebih-lebih lagi untuk mempertingkatkan eksport produk hortikultur keluaran Malaysia.

Dalam Negeri

Program promosi di dalam negeri dijalankan bertujuan meningkatkan permintaan dan seterusnya memperluaskan saiz pasaran bagi hasil-hasil pertanian keluaran tempatan. Aktiviti promosi atau kempen yang telah dijalankan sepanjang tahun 1996 ialah seperti berikut:-

(a) Kempen Makan Sayur-sayuran dan Ulam-ulaman

Kempen ini telah dilancarkan di peringkat kebangsaan oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia pada Jun 1996 di Kuala Lumpur. Selepas itu kempen di peringkat negeri telah juga diadakan sepanjang tahun 1996. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah Kempen Makan Sayur-sayuran dan Ulam-ulaman termasuklah mengadakan pertandingan masakan antara sekolah-sekolah, pertandingan melukis dan menulis esei bagi murid-murid sekolah, siaran iklan dan edaran poster kepada orang ramai. FAMA juga mengeluarkan resipi-resipi khas untuk menggalakkan penggunaan sayur-sayuran dan ulam-ulaman.

(b) Kempen Makan Daging Burung Puyuh

Pelancaran kempen ini telah dilakukan oleh Y.B. Menteri Pertanian Malaysia pada Oktober 1996 di Langkawi. Tujuan kempen ini ialah untuk menggalakkan penggunaan daging burung puyuh yang dikirakan berpotensi untuk dijadikan masakan istimewa terutama di pusat pelancongan seperti di Langkawi. Selain daripada menggalakkan pemakanan daging burung puyuh ianya juga bertujuan untuk menggalakkan penyertaan penternak-penternak tempatan mengeluarkan daging burung puyuh yang mempunyai potensi pasaran yang baik.

Aktiviti kempen melibatkan edaran poster dan iklan, pertandingan memasak dan pengeluaran resipi-resipi daging burung puyuh. Bagi menggalakkan penglibatan penternakan FAMA mengenalpasti beberapa bakal penternak yang diberikan kursus berkaitan untuk memulakan pengeluaran daging burung puyuh untuk pasaran terutama yang dijual melalui pasar-pasar tani.

(c) Produk AgroMas

Pada tahun 1996 promosi bagi produk proses AgroMas keluaran FAMA telah dilaksanakan secara besar-besaran melalui pengiklanan melalui radio, TV, akhbar dan majalah. Promosi secara in-store dengan kerjasama pasaraya-pasaraya juga diadakan.

Hasil daripada program promosi yang dijalankan mulai November 1996 telah meningkatkan permintaan pasaran bagi produk-produk AgroMas dan dengan ini dapat membantu mempertingkatkan aktiviti pemprosesan hasil-hasil pertanian.



Y.B. Menteri Pertanian melawat gerai pameran sempena Kempen Makan Sayur-sayuran dan Ulam-ulaman.



Aktiviti promosi FAMA melalui pameran dalam negeri.

Luar Negeri

Pada tahun 1996 aktiviti-aktiviti promosi di luar negeri yang dijalankan melibatkan sama ada pameran antarabangsa atau rombongan perdagangan. FAMA telah mengambil bahagian di dalam 5 pameran antarabangsa seperti berikut:-

- i) Tokyo Flower Show – Mac 1996
- ii) Malaysia Products Exhibition, Zagreb, Croatia – April 1996
- iii) Royal Agricultural Show, Stoneleigh, United Kingdom – Julai 1996
- iv) Pameran EAGA, Davao City, Filipina – Julai 1996
- v) Malaysian Products Exhibition, Osaka, Jepun – September 1996



Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia melawat gerai FAMA di Pameran Perdagangan Produk Malaysia di Zagreb, Croatia.

FAMA juga memajukan pasaran di luar negeri melalui penyertaan di dalam rombongan perdagangan anjuran Kerajaan dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun 1996 sebanyak 4 rombongan perdagangan telah disertai iaitu:-

- i) Poland, Romania, Hungary – Jun 1996
- ii) Eropah – Oktober 1996
- iii) Republic Guinea, Ghana – September 1996
- iv) Hong Kong – November 1996

Melalui aktiviti promosi produk keluaran Malaysia seperti buah-buahan, bunga-bunga dan barangan proses dapat diperkenalkan di peringkat antarabangsa di samping pengumpulan maklumat-maklumat mengenai permintaan dan luang-luang pasaran yang amat berguna bagi perancangan perluasan eksport produk keluaran Malaysia.

Buah-buahan keluaran Malaysia terutamanya belimbing, betik dan nenas telah mendapat pasaran yang baik di negara-negara Eropah, Asia Barat dan Asia Timur iaitu Hong Kong. Manakala bunga-bunga terutama orkid telah dapat menembusi pasaran negara-negara Jepun dan Australia.



Promosi Produk Malaysia yang dijalankan oleh FAMA di Pameran Royal Agricultural Show, United Kingdom.

FAMA: Eksport Komoditi Segar 1996



Lawatan Princess Anne di gerai Malaysia, Pameran Royal Agricultural Show, United Kingdom.

PEMBANGUNAN

bekalan



MAKLUMAT PASARAN

Pengumpulan dan penyebaran maklumat pasaran merupakan salah satu aktiviti utama FAMA yang dijalankan secara berterusan:-

(a) **Pengumpulan Maklumat Keadaan Bekalan**

Maklumat bekalan adalah penting untuk meramalkan keadaan pasaran dan harga. Untuk memastikan bahawa maklumat bekalan yang dikutip adalah memenuhi keperluan FAMA, pengumpulan maklumat ini telah ditumpukan kepada jenis yang dapat membantu urusan FAMA dan pekebun-pekebun komersil. Pengumpulan maklumat tersebut telah dijalankan mulai Julai 1996.

(b) **Pengumpulan Maklumat Harga**

Aktiviti ini dijalankan secara rutin sepanjang tahun. Sebanyak 200 jenis barangan dari kumpulan sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga, ternakan, ikan air tawar, kelapa, kopi dan tanaman kontan telah dikesan di tiga peringkat iaitu ladang, borang, dan runcit. Kekerapan kutipan tiga kali seminggu telah dilaksanakan.

(c) **Pengumpulan Maklumat Perdagangan Luar**

Aktiviti pengumpulan maklumat perdagangan luar telah dilaksanakan melalui sistem 'on-line' yang menghubungkan Kementerian Pertanian dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Di samping itu perangkaan juga dikumpulkan daripada sumber-sumber penerbitan rasmi untuk memperluaskan maklumat yang ada supaya kesan import barangan ke atas industri tempatan dapat dikaji.

(d) **Kajian**

Tiga kajian telah dilaksanakan pada tahun ini. Kajian tingkahlaku pengguna bagi daging burung puyuh telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat citarasa pengguna. Kajian kos dan margin sayur-sayuran dan juga kajian kos dan margin buah-buahan juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kos pemasaran, kos pemrosesan, kerosakan, kos alat-alat dan lain yang telah membentuk jidar pemasaran bagi hasil-hasil pertanian yang terpilih.

(e) **Analisis dan Penerbitan**

Maklumat pasaran yang dikumpulkan daripada berbagai sumber adalah dianalisis untuk mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai kedudukan pasaran dari segi bekalan, permintaan dan harga.

Maklumat pasaran juga disebar kepada kumpulan sasar dalam bentuk yang diperlukan. Berbagai penerbitan telah dihasilkan termasuk Laporan Harga Harian, Laporan Harga Mingguan, Warta Barangan, Data Siri Masa bagi Sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga dan ternakan.

Program pengumpulan dan penyebaran maklumat telah dapat memberi banyak faedah dan manfaat kepada industri dan kumpulan sasar. Para petani mendapat faedah dari maklumat harga dan potensi yang membantu mereka mengenalpasti tanam-tanaman yang akan memberikan pulangan yang baik. Dari aliran harga dan maklumat pasaran bagi beberapa tahun, petani-petani akan dapat mengadakan perancangan dengan lebih berkesan terhadap pengeluaran hasil-hasil pertanian mereka.

Maklumat harga juga membolehkan petani-petani menyedari keadaan pasaran supaya mereka tidak semata-mata bergantung kepada harga yang ditentukan oleh perantara pasaran. Dengan maklumat tentang spesifikasi barangan yang diperlukan oleh pasaran, petani dapat menyesuaikan pengeluaran dengan kehendak pasaran.

Para perantara pasaran mendapat faedah dari bandingan harga di seluruh negara yang membolehkan mereka mengagihkan barangan untuk menjaga keseimbangan antara penawaran/permintaan setempat. Ini mengurangkan kesan-kesan ketidakseimbangan pasaran seperti harga terlalu tinggi atau rendah di sesuatu tempat.

Maklumat keadaan bekalan merupakan satu unsur penting dalam maklumat pemasaran bekalan hasil pertanian mudah rosak di bawah jagaan FAMA. Oleh kerana hasil ini merupakan tanaman makanan, adalah perlu mengetahui mengenai kedudukan bekalan. Maklumat ini penting kepada Kerajaan dan industri di dalam perancangan pengeluaran, pemasaran dan pembangunan pertanian yang lebih berkesan.

Data-data yang diperolehi dari kajian tingkahlaku pengguna akan membolehkan FAMA mengenalpasti faktor-faktor yang utama yang mempengaruhi keutamaan pengguna, kategori pengguna dan kawasan penggunaan untuk memudahkan merangka strategi pemasaran.

Di samping itu, harga yang dikutip akan membantu Kerajaan dalam usahanya mengawal inflasi. Maklumat harga juga dapat digunakan untuk mengesan harga barangan yang mahal dan dengan itu usaha boleh diadakan untuk mengeluarkan atau mengimport barangan makanan yang diperlukan. Ini adalah sebagai langkah untuk mengawal keadaan inflasi di negara ini.

KHIDMAT SOKONGAN

FAMA juga turut terlibat di dalam mewujudkan pusat-pusat pengembangan/rujukan bagi faedah kumpulan sasar yang terdiri daripada petani-petani dan individu-individu yang berminat dalam menjayakan projek-projek pertanian secara komersil. Pusat-pusat projek pertanian FAMA akan juga berperanan sebagai pusat perolehan bagi FAMA mendapatkan bekalan dan hasil untuk keperluan pasaran. Sebanyak 6 pusat telah diwujudkan yang melibatkan projek tanaman buah-buahan, bunga-bunga dan kelapa.

Pusat-pusat rujukan yang dikendalikan oleh FAMA tersebut dijadikan sebagai pusat contoh untuk mengumpul, memperkembang dan menyalurkan teknologi dan amali yang baru dan terkini dari segi pengeluaran dan pemasaran hasil-hasil pertanian tertentu. Petani-petani atau kumpulan sasar yang diberikan latihan atau kursus akan memperolehi pendedahan serta pengalaman secara langsung di pusat-pusat rujukan tersebut.


PENGGREDAN DAN KUALITI

Perlaksanaan skim menggred yang dijalankan oleh FAMA bertujuan untuk memastikan produk keluaran Malaysia dapat memenuhi tahap kualiti dan gred yang dapat memenuhi kehendak pasaran di peringkat antarabangsa. Melalui skim menggred bagi buah-buahan tempatan yang diekspor ianya akan dapat menjamin reputasi yang tinggi dan seterusnya mampu bersaing di pasaran antarabangsa yang kompetitif. Dengan pelaksanaan skim penggredan tidak terdapat penolakan buah-buahan terpilih yang diekspor dan seterusnya dapat mengekalkan harga di tahap yang lebih memuaskan. Buat masa ini buah-buahan yang terlibat dalam skim penggredan untuk eksport ke pasaran tertentu ialah belimbing dan betik




Bunga-bunga Malaysia untuk pasaran eksport.

MALAYSIA: Eksport Bunga-bunga Sejar (RM) 1994-1996



MALAYSIA: Eksport Buah-buahan Tropika Mengikut Jenis 1994-1996*



1996* - angka awal

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

■ 1994 ■ 1995 ■ 1996*



Penggredan buah belimbing sebelum dihantarkan untuk pasaran eksport.

eksotika. Skim penggredan buah-buahan untuk eksport telah berjaya menggred buah betik eksotika sebanyak 5,481 tan metrik. Kuantiti buah betik eksotika yang digred telah berkurangan jika dibandingkan dengan tahun 1995 iaitu sebanyak 6,962.84 tan metrik. Ini adalah kerana pengeluaran untuk eksport telah berkurangan dan para pengeksport telah beralih kepada mengeksport betik jenis panjang.

Manakala bagi belimbing sebanyak 3,148 tan metrik telah digred iaitu meningkat kira-kira 6% berbanding dengan kuantiti sebanyak 2,968 tan metrik pada tahun 1995. Keberkesanan skim menggred belimbing yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1995 telah diakui kejayaan selepas satu lawatan diadakan ke pengimport-pengimport besar di Holland dan German pada Oktober 1996. Dengan mengambilkira maklumbalas daripada pengimport-pengimport berkenaan beberapa pindahan di dalam penentuan gred telah dilaksanakan dan hanya satu gred iaitu gred eksport sahaja telah diperkenalkan bagi belimbing yang dieksport oleh Malaysia.

Dengan penguatkuasaan gred ini sepenuhnya pada tahun 1997 diharap belimbing Malaysia akan dapat terus menguasai pasaran antarabangsa berbanding dengan produk keluaran negara-negara lain.

Bagi penentuan Rawatan Kuarantin terhadap bunga keratan FAMA telah mewujudkan satu pusat fumigasi di Cameron Highlands. FAMA mempunyai operator fumigasi yang berlesen untuk memberi perkhidmatan fumigasi kepada pengeksport yang hendak mengeksport produk hortikultur terutamanya bunga-bunga ke negara-negara tertentu. Khususnya bagi negara Jepun setiap pengeksportan bunga keratan hendaklah terlebih dahulu difumigasikan mengikut peraturan tertentu. Sepanjang tahun 1996 Pusat Fumigasi FAMA telah menjalankan 55 kali proses fumigasi sama ada secara percubaan atau kajian bersama-sama dengan Jabatan/Agensi Kementerian Pertanian dan juga untuk pihak pengeksport swasta.

Di bawah program peningkatan kualiti FAMA juga terlibat di dalam memastikan produk hortikultur yang dieksport khususnya sayur-sayuran dapat memenuhi kehendak dan peraturan yang ditetapkan oleh negara-negara pengimport. Negara-negara Singapura dan Brunei telah melaksanakan peraturan mengenai sisa baki racun makhluk perosak bagi sayur-sayuran untuk pasaran di negara-negara berkenaan. FAMA bersama-sama dengan Jabatan Pertanian masih terus memainkan peranan di dalam menguatkuasa penggunaan tanda bagi setiap pembungkusan sayur-sayuran yang dieksport ke Singapura dan Brunei. Melalui sistem penandaan tersebut ianya menjamin sayur-sayuran Malaysia dapat memasuki pasaran di Singapura dan Brunei.

KAWALAN PEMASARAN

Di samping menjalankan skim penggredan FAMA juga turut terlibat dengan skim kawalan pemasaran yang melibatkan pengeluaran lesen bagi mengawasi dan mengawal aktiviti pemasaran terutamanya di peringkat ladang iaitu bagi hasil-hasil pertanian sayur-sayuran, buah-buahan, kelapa dan kopi.

Pada tahun 1996 pemegang lesen bagi komoditi-komoditi yang terlibat ialah 2170. Sementara itu di bawah skim kawalan kuota import FAMA memainkan peranan bagi menstabilkan harga dan memastikan pulangan yang berpatutan kepada petani-petani yang terlibat dalam pengeluaran kobis dan kopi. Di bawah skim kawalan kuota import jumlah pemegang AP kobis ialah 214 yang melibatkan 17 konsortium dan pemegang AP kopi ialah berjumlah 97 orang.

Sejumlah 31,428 tan metrik kobis bulat telah dibenarkan diimport bagi tujuan menstabilkan bekalan dan harga. Di dapati bahawa melalui kawalan kuota kobis ini, harga purata di peringkat ladang dapat dikawal di paras RM1.23/kg dan harga purata runcit pula ialah RM2.31/kg. Ini menepati sasaran di mana harga purata ladang tidak di bawah RM0.70/kg dan harga purata runcit tidak melebihi RM2.50/kg.



Majlis penerangan/dialog antara petani dengan FAMA.

Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)



Bekalan benih pokok hiasan projek Lanskap di bawah Program PPRT.

Di bawah program PPRT, beberapa aktiviti khusus telah difokaskan seperti berikut:-

- (a) Penglibatan peserta-peserta di dalam pemasaran, peningkatan kemahiran melalui latihan dan pendidikan pasaran. Program ini dilaksanakan melalui pembangunan Pasar Tani Bakti dan kursus-kursus kepada peserta-peserta berkaitan dengan pemasaran.
- (b) Penyediaan peralatan asas dalam bentuk pinjaman. Peralatan-peralatan tersebut adalah seperti gerai jualan kekal/bergerak, penyediaan peralatan ringan atau mesin memproses.
- (c) Penyediaan infrastruktur bagi projek yang diusahakan secara bersepadu/berkelompok termasuk projek penyertaan langsung di dalam pemasaran hasil-hasil lanskap.

Dari segi pelaksanaan projek, tumpuan diberikan kepada menggalakkan penglibatan petani PPRT di dalam pemasaran dengan menyediakan kemudahan-kemudahan pemasaran serta bantuan sokongan berkenaan. Aktiviti ini adalah sambungan kepada projek sedia ada atau penempatan peserta baru yang memerlukan pembiayaan peralatan dan modal pusingan. Pelaksanaan aktiviti ini telah memberi faedah kepada lebih 91 peserta terutama yang menyertai Pasar Tani Bakti iaitu Pasar Tani Khas yang diwujudkan bagi menyediakan ruang pasaran kepada peserta PPRT.

Di samping itu seramai 102 peserta PPRT telahpun menyertai Pasar Tani Runcit. Hampir kesemua yang menyertai aktiviti ini telah dapat meningkatkan taraf hidup melepasi garis kemiskinan dengan memperolehi pendapatan kira-kira RM650 – RM850 sebulan. Bagi memastikan kejayaan program yang telah dirancang peserta-peserta yang terlibat diberikan dengan pelbagai kursus dan latihan sesuai dengan tahap penglibatan dalam urusniaga.

Sebanyak 19 kursus yang melibatkan 440 peserta telah dijalankan sepanjang tahun 1996. Jenis-jenis kursus yang telah diberikan adalah seperti kursus motivasi, kursus keusahawanan, kursus pengenalan perniagaan dan pengendalian kewangan, kursus kemahiran asas seperti pengendalian kebun bunga atau lanskap dan pemprosesan ayam. Umumnya kursus ini ditumpukan di peringkat meningkatkan pengetahuan di samping keperluan praktikal secara 'attachment' supaya peserta didedahkan kepada situasi sebenar samada dalam bentuk pemasaran atau pemprosesan. FAMA berperanan bagi memenuhi objektif tersebut di mana setiap kursus/bengkel PPRT yang dianjurkan disertakan dengan lawatan agar peserta mendapat pendedahan secara langsung.

PEMBANGUNAN

rangkaian pemasaran



PASAR TANI

Pasar Tani masih terus memainkan peranan yang berkesan di dalam memajukan pemasaran pertanian hasil-hasil keluaran petani tempatan, dan dengan ini membantu mengatasi masalah pemasaran yang seringkali dihadapi oleh petani-petani kecil.

